

Penolong pengarah, pembantu tadbir ditahan bantu siasatan kes rasuah

Dua staf universiti direman

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Seorang Penolong Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat sebuah universiti awam di Gombak, Selangor direman selama tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes rasuah berjumlah RM30,000, empat tahun lalu.

Turut direman berkaitan kes itu ialah seorang pembantu tadbir kanan universiti sama dengan masing-masing adalah lelaki berusia 42 dan 47 tahun.

Perintah reman tersebut dikeluarkan Majistret Shazali Hidayat Shariff di Mahkamah

Majistret di sini.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki itu ditahan pukul 10.45 malam kelmarin selepas hadir memberikan keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

Katanya, kedua-duanya disyaki telah bersubahat menerima suapan bernilai RM30,000 daripada pemilik sebuah syarikat pengiklanan.

“Suapan itu adalah sebagai balasan memilih dan mengesyorkan syarikat tersebut bagi beberapa kerja pembekalan dan percetakan di universiti itu.

“Siasatan awal mendapati ak-

tiviti rasuah itu dilakukan pada tahun 2015,” katanya di sini semalam.

Jelas sumber tersebut, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu, namun enggan mengulas lanjut.

Terdahulu, kedua-dua suspek itu tiba di mahkamah pukul 10.50 pagi semalam memakai baju lokap tahanan SPRM dengan tangan bergari.

Kedua-dua suspek diwakili peguam Ahmad Amzar Ahmad Azlan.



PENOLONG Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat (kiri) bersama pembantu tadbir kanan (kanan) daripada sebuah universiti awam direman tujuh hari oleh Mahkamah Majistret Shah Alam bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah bernilai RM30,000 semalam.